



Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.4 (106)

Tarikh : 13 Jun 2015

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN JUALAN *MYHOME* 2 TAMAN JENGKA INDAH FASA II OLEH PUM GLOBAL RESOURCES SDN BHD

Jengka, 13 Jun 2015 – YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menghadiri Majlis Pelancaran Jualan *MyHome* 2 Taman Jengka Indah Fasa II, Jengka, Pahang hari ini. Majlis akan dirasmikan oleh Ahli Undangan Negeri Jengka, YB Dato' Wan Salman B. Wan Ismail.

2. Skim *MyHome* ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013.

3. Skim ini merupakan salah satu langkah kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik. Skim *MyHome* menawarkan insentif sehingga RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Pada tahun 2015, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara.

4. Ciri-ciri rumah mampu milik di bawah Skim *MyHome* adalah seperti berikut :

	Harga Pasaran/ Jualan (RM)	Harga Sebenar Pembeli (RM)	Keluasan Minimum (kps)	Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)
<i>MyHome</i> 1	80,000-120,000	50,000-90,000	800	3,000-4,000
<i>MyHome</i> 1 Sabah & Sarawak	90,000-120,000	60,000-90,000	800	3,000-4,000
<i>MyHome</i> 1	80,000-150,000	50,000-120,000	800	3,000-4,000

WP Lumpur	Kuala				
--------------	-------	--	--	--	--

	Harga Pasaran/ Jualan (RM)	Harga Sebenar Pembeli (RM)	Keluasan Minimum (kps)	Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)
<i>MyHome 2</i>	120,001-200,000	90,001-170,000	850	4,001-6,000
<i>MyHome 2</i> Sabah & Sarawak	120,001-250,000	90,001-220,000	850	4,001-6,000
<i>MyHome 2</i> WP Kuala Lumpur	150,001-300,000	120,001-270,000	850	4,001-6,000

Rumah-rumah yang dibina di bawah Skim *MyHome* dilengkapi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

5. Berikut adalah syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPKT bagi kriteria pemilihan pembeli :
- a) Warganegara Malaysia
 - b) Berumur 18 tahun ke atas
 - c) Pembelian rumah pertama
 - d) Permohonan satu (1) unit rumah kepada setiap isi rumah; dan
 - e) Pendapatan isi rumah perlu mengikut ketetapan pendapatan isi rumah bagi *MyHome 1* dan *MyHome 2*

Permohonan pembeli yang telah disemak akan dibawa kepada Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Skim *MyHome* yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JPN, KPKT dan dianggotai oleh Wakil Kementerian Kewangan, Wakil Kerajaan Negeri/ Lembaga Perumahan Berkaitan/ Wakil Bahagian Dasar KPKT dan Wakil Pemaju Perumahan berkaitan.

6. Sehingga bulan Jun 2015, pihak Kementerian telah menerima permohonan daripada 95 pemaju untuk melaksanakan 104 projek Skim *MyHome*. Bilangan unit rumah yang terlibat

adalah 24,279 unit rumah. Sehingga kini, pihak Kementerian telah memberikan kelulusan kepada 30 pemaju perumahan merangkumi 32 projek yang melibatkan sebanyak 10,000 unit rumah di seluruh negara untuk dilaksanakan di bawah Skim *MyHome*.

7. Untuk Negeri Pahang, pihak Kementerian telah menerima permohonan untuk melaksanakan 5 projek Skim *MyHome* daripada 5 pemaju perumahan bagi membina sebanyak 1,127 unit rumah. Daripada permohonan pemaju perumahan ini, sebanyak 4 projek melibatkan 4 pemaju perumahan melibatkan 373 unit rumah telah diberikan kelulusan.

8. Projek Skim *MyHome* bagi Taman Jengka Indah Fasa II telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome* pada 3 Disember 2014. Kelulusan yang diberikan adalah sebanyak 58 unit rumah teres 1 tingkat dengan keluasan minima 900 kaki persegi kepada Pemaju Perumahan PUM Global Resources Sdn Bhd.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my